

## Polis lumpuh sindiket, rampas dadah lebih 26kg

Oleh **Asrol Awang** - Februari 6, 2024 @ 12:05pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Yahaya menunjukkan sebahagian daripada rampasan dadah yang dibuat

KUANTAN: Polis melumpuhkan sindiket pengedaran dadah jenis syabu, pil yaba dan heroin seberat lebih 26 kilogram bernilai RM543,559 dalam dua kes iaitu di Tanjung Lumpur dan Indera Mahkota, di sini semalam dan kelmarin.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata hasil daripada serbuan itu, enam individu, termasuk seorang wanita berusia antara 25 dan 51 tahun yang juga warga tempatan ditahan.

Katanya, dalam kes pertama kelmarin, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pahang melakukan serbuan di kawasan Tanjung Lumpur, di sini antara jam 11 pagi hingga 6 petang.

"Berikutan itu, tiga individu termasuk seorang wanita berumur antara 38 dan 51 tahun ditahan dipercayai terbabit dalam aktiviti pengedaran dadah bagi pasaran tempatan dan luar Pahang.

"Hasil serbuan itu, sejumlah 10.41 kilogram syabu dan 3,249.9 gram pil yaba dianggarkan bernilai RM438,429 dirampas.

"Saringan awal mendapati tiga suspek positif dadah jenis Methamphetamine mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan kes dadah," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, di sini hari ini.

Bagi kes kedua di kawasan Indera Mahkota kelmarin, Yahaya berkata, tiga lelaki berusia antara 25 dan 26 tahun ditahan antara jam 10 pagi kelmarin hingga 12.23 tengah malam, semalam.

Katanya, hasil serbuan itu sejumlah 12.66 kilogram dadah jenis heroin yang dianggarkan bernilai RM105,130 dirampas.

"Tiga suspek ini dipercayai terbabit dengan aktiviti pengedaran dadah bagi pasaran tempatan dan luar Pahang.

"Saringan awal mendapati seorang daripada tiga suspek positif dadah jenis Methamphetamine dan dua daripadanya juga mempunyai rekod lampau berkaitan dadah," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan enam suspek terbabit direman selama tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan.

Katanya, dua kenderaan yang digunakan suspek dalam dua kes itu turut disita bersama barang kemas dan wang tunai.

"Berdasarkan analisa kadar penggunaan dadah jenis syabu dan sebiji pil yaba membabitkan 37,069 penagih manakala heroin boleh dibekalkan kepada 25,332 penagih dengan mengambil kira penggunaan sebanyak 0.5 gram.

Justeru, katanya, usaha berterusan akan dilaksanakan untuk membasmi masalah penyalahgunaan dadah di Pahang dan sebarang maklumat boleh disalurkan ke Pusat Kawalan Kontinjen Pahang (CCC) di talian 09-5051999," katanya.